



BIL. 2/2001

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

SYAWAL - MUHARRAM 1422 H / Jan - April 2001

## Muhasabah Hijrah Dari Ketua Eksekutif MEMANTAP PENCAPAIAN ORGANISASI

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum W.R.T dan Salam Sejahtera 'Alhamdulillah, kehadiran tahun Hijrah 1422 menjadi detik untuk menilai pencapaian kita sebagai badan induk, bagi mengemblng usaha ke arah kemantapan ekonomi negeri. Penilaian semula beberapa sektor di PKINK, kesan kegawatan yang melanda sejak 1997 perlu dilakukan. Berdasarkan reputasi semasa, sektor perkhidmatan dan pelancongan mengalami sedikit gangguan akibat kegawatan tersebut. Oleh itu, pihak pengurusan PKINK sedang mengkaji halatuju untuk mengukuhkan semula sektor yang bermasalah sebelum ini.

Agenda bertindak yang dirumus pihak pengurusan antaranya, penilaian prestasi kumpulan PKINK, perancangan strategik, kenalpasti sektor berdaya maju dan penyusunan struktur korporat PKINK. Selain itu, PKINK sedang mengenalpasti kekuatan dan kelemahan kumpulan untuk meneliti kembali tahap yang tidak memberansangkan. Berpandu kepada penilaian dibuat, beberapa aspek perlu diberi kondisi utama termasuk proses perakuan agak perlahan, asas konkret dalam bisnes, struktur modal dan menjadi 'controller' kepada syarikat-syarikat anak. Pihak pengurusan juga melihat perlunya perubahan budaya kakitangan kepada pemikiran korporat untuk memancu sektor strategik yang relevan kepada kemantapan PKINK. Biarpun tahap kegawatan belum pulih sepenuhnya, namun beberapa sektor di PKINK menunjukkan pencapaian menggalakkan antara pendidikan tinggi, prishatin, kewangan Islam, logistik dan teknologi maklumat. PKINK juga



melihat penglibatan secara menyeluruh dalam sektor hartanah dan pembinaan perlu dipertingkatkan lagi ruang operasinya.

Sektor lain terutamanya pertanian dan agrobisnes yang membabitkan perladangan buah-buahan, kelapa sawit, penternakan lembu, ayam, biri-biri, pemerosesan makanan, membuat perabot dan pengilangan produk kelapa sawit serta getah juga perlu digembangkan lagi. Dimensi lain, terutamanya penerokaan sektor sumber asli iaitu perlombongan bahan mentah perlu penilaian secara serius bagi meneritukan halatuju baru. Usaha secara serius ini perlu menjadi integriti utama bagi memastikan kehadiran 'Asean Free Trade Area' (AFTA) dapat dimanfaat sepenuhnya. Begitu juga dengan cadangan pembinaan landasan kereta api dari Singapura ke Guangzhou di China melalui Rantau Panjang boleh menjadi pemangkin meningkatkan pencapaian ekonomi Kelantan. Berdasar perancangan di atas adalah penting budaya kerja berimej korporat menjadi dimensi baru bagi kakitangan dan anggota pentadbir di PKINK.

## PESANAN KORPORAT >

Samada sedar atau tidak, kita telah melangkah ke tahun baru hijrah, ini bermakna umur dan usia anggota perbadanan semakin bertambah bersama PKINK. Sepanjang tahun lepas, banyak perubahan telah berlaku dalam keluarga PKINK, ada anggota yang bersara awal, ada yang bersara cukup tempoh perkhidmatan dan ada juga yang membuat keputusan untuk berhenti dan menumpukan kepada kerjaya baru yang telah diceburi. Tahun 1421 juga telah menyaksikan berlaku beberapa pertukaran anggota dari anak syarikat ke ibu pejabat dan sebaliknya. Pihak pengurusan perbadanan pula berat hati terpaksa membuat keputusan menutup syarikat Holding iaitu Kelbina dan Kelrest dan menyusun semula kedudukan anak-anak syarikat yang lain agar lebih kemas dan tersusun. Semua perubahan yang berlaku ini telah menggambarkan kepada kita betapa sukarnya untuk membina sebuah badan ekonomi yang teguh dan berdaya maju. Betapa sukarnya pihak pengurusan tertinggi yang terpaksa menilai, merombak, memperbaiki serta menjernihkan semula kekeruhan yang telah lama berkelodak. Semua tindakan yang telah diambil oleh pihak pengurusan ini adalah semata-mata ingin melihat PKINK berada di atas landasan yang sebenarnya.

Namun begitu, masih terdapat anggota yang tidak berpuas hati dengan beberapa perubahan yang dibuat, malah bukan setakat itu sahaja, ada yang sanggup menuduh itu dan ini serta tak henti-henti mengecam pihak pengurusan sampai hari ini. Ada setengah tu, selepas punch-card sahaja, terus kata macam-macam kepada pihak pengurusan tanpa rasa segan-silu. Menyindir dan mengata di depan khalayak ramai sudah menjadi kebiasaan. Di manakah nilai hormat yang ada pada setiap anggota sehingga sanggup mengeluarkan kata-kata yang tidak baik lebih-lebih lagi di kedai kopitiam. Sepatutnya anggota perbadanan perlu merasa bersyukur dengan segala kelebihan yang telah diperolehi selama ini. Cuba kita renung sejenak, apakah kemudahan dan keistimewaan yang masih tidak diperolehi berbanding dengan Jabatan-jabatan yang lain? semuanya telah dipenuhi...Oleh itu, sempena kedatangan tahun baru hijrah ini, marilah kita sama-sama memperbaiki diri, muhasabah dan memperbetulkan kesilapan kita terlebih dahulu tanpa menghiraukan kelemahan orang lain. Baru-baru ini juga, kelas Qiraati telah dilancarkan dan hampir separuh anggota yang menyertainya. Inil menggambarkan betapa anggota perbadanan telah membuat keputusan yang betul dan terus memilih Al-Quran sebagai panduan hidup. Semoga budaya Al-Quran akan terus subur dan mekar di dalam jiwa dan tingkah laku kita semua. Amin.

## SIDANG EDITOR >

### Penaung >

En. Wan Zulkifli b. Wan Yusoff

### Ketua Editor >

Hj. Hanifa Ahmad

### Editor >

Tn. Hj. Baharuddin Harun

### Pen. Editor >

En. Mohd. Adilan Mat Jusoh

Pn. Ahlaami Hj. Ab. Halim

Pn. Nik Farzimar Nik Omar

Pn. Teh Mariam Mohamed

En. Wan Azizan Wan Yaakub

YM. Tengku Petra Tengku Wook

En. Mohd. Ramli Hj. Hamzah

### Juru Foto >

En. Rusli Hj. Ismail

En. Nik Ayub Nik Him

## BERITA KUMPULAN PKINK

### DITERBITKAN OLEH :

### BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

Tingkat 8 - 11, Bangunan PKINK

Jalan Tengku Maharani

Peti Surat 142, 15710 Kota Bharu, Kelantan.

### REKABENTUK DAN DICETAK OLEH :

### DIAN DARULNAIM SDN. BHD.

5315-A, Jalan Sultan Yahya Petra, Lundang,

15200 Kota Bharu, Kelantan Darulnaim

Tel. > 609 - 744 3510, 609 - 7448493

Faks > 609 - 748 7619

# KELAS QIRAAJI KUMPULAN PKINK DILANCAR

Pihak pengurusan PKINK melalui Bahagian Latihan telah mengambil inisiatif mengendalikan Kelas Bimbingan Qiraati untuk semua anggota kumpulan.

Kelas bimbingan tersebut yang mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Bimbingan Qiraati Al-Hidayah dan telah dilancarkan perasmianya oleh YB. Haji Hassan Mohamad, Pengurus Jawatankuasa, Pendidikan, Sains dan Teknologi pada 19 Syawal 1421.

Sementara itu, Dalam ucapan alu-aluan pada majlis tersebut, Timbalan Ketua Eksekutif (HEK), Haji Hanifa Ahmad menyarankan agar semua



anggota kumpulan tidak melepaskan peluang sebaliknya sama-sama memanfaatkan program tersebut.


Pihak pengurusan telah bermurah hati untuk membiayai keseluruhan yuran kursus disamping memberi kelonggaran untuk menggunakan satu jam waktu pejabat bagi setiap sesi.

Kelas bimbingan tersebut diadakan pada setiap hari Isnin dan Khamis, telah dibahagikan kepada enam kumpulan iaitu tiga kumpulan wanita bermula dari jam 12.00 tengahari hingga 2.00 petang manakala tiga kumpulan lelaki dari jam 4.00 hingga 6.00 petang.



Berucap di Majlis yang sama, YB. Haji Hassan melahirkan rasa bangga dan kagumnya kerana kesungguhan pihak PKINK menjayakan program berkenaan. Beliau cukup yakin program itu merupakan pendekatan, pemahaman serta penghayatan Al-Quran yang mampu untuk mendisiplinkan anggota-anggota Kumpulan PKINK sejajar dengan dasar 'MEMBANGUN BERSAMA ISLAM' seperti diamalkan oleh kerajaan negeri. Katanya, sesungguhnya Al-Quran itu penuh dengan pelbagai ilmu dan panduan yang melandasi kehidupan manusia.

Oleh itu adalah menjadi kewajipan setiap insan yang beragama Islam untuk mendalami dan memahaminya. Beliau berkata, adalah menjadi tanggungjawab kita juga untuk saling khabar mengkhabar dan menyebarkan segala kebaikan daripada kitab suci tersebut. Beliau turut bermimat untuk mencadangkan kepada lain-lain agensi kerajaan negeri supaya mencontohi PKINK mewujudkan kelas Qiraati. Katanya, usaha PKINK mengendalikan pelbagai program pembentukan peribadi dan akhlak mulia amat sesuai sekali bagi memenuhi tanggungjawab yang diamanahkan Allah, supaya ia dapat dilaksanakan dengan ikhlas dan penuh redha.





## TAKLIMAT PERLAKSANAAN USAHAWAN MUDA

PROGRAM Usahawan Muda (PUM) merupakan program anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan yang mana ahli-ahlinya terdiri dari kalangan pelajar sekolah, telah dilaksanakan di sekolah-sekolah yang menyertai PUM di Kelantan bagi sesi tahun 2001.

Pada tahun ini, sebanyak 12 buah sekolah dipilih untuk dibimbing oleh pihak sekretariat iaitu Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kelestanan dan Yayasan Islam Kelantan. Sekolah yang terbabit pada Program tahun ini iaitu SMK Kamil, SMK Dato' Ahmad Mahir, SMK (A) Falahiah, SMK Keroh, SMK Jeli, SMK (A) Tangok, SMU (A) Maahad Muhammadi Lelaki, SMU (A) Maahad Muhammadi Perempuan, SMU (A) Pasir Mas, SMU (A) Maahad Muhammadi Tumpat, SMU (A) Maktab Pengajian Islam dan SMU (A) Al-ihsan.


Selaras dengan pemilihan sekolah-sekolah tersebut tahun ini, pihak urusetia telah mengadakan sesi taklimat PUM untuk guru-guru pengelola yang mana dua orang guru pengelola telah dilantik bagi setiap sekolah. Sesi taklimat tersebut telah diadakan pada 5 Zulhijjah 1421 bersamaan 1 Mac 2001 bertempat di Bilik Operasi Tingkat 10 Bangunan PKINK. Pihak urusetia memberi penerangan serta kursus asas berkenaan PUM kepada guru-guru pengelola tersebut. Mereka akan bertanggungjawab secara langsung di

sekolah masing-masing bagi membimbing pelajar agar dapat menubuhkan syarikat untuk menjalankan perniagaan dengan teratur dan mengikut syarat-syarat ditetapkan.

Dalam sesi taklimat tersebut, Tuan Haji Wan Abdul Azim Wan Abdullah selaku Pengurus Pembangunan Usahawan PKINK menyampaikan ucapan aluan manakala penerangan tentang Tatacara Pelaksanaan PUM telah disampaikan oleh En. Rusli Ismail, Penolong Pengurus Pembangunan Usahawan PKINK. Turut memberi ceramah tentang Perakaunan Syarikat PUM iaitu En. Wan Azizan Wan Yakob, pegawai Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK.

Sesi taklimat itu turut dihadiri Pegawai Jabatan Pendidikan Kelantan serta pegawai Yayasan Islam Kelantan ia berjaya memberi kefahaman dan pengetahuan asas tentang PUM kepada 24 guru pengelola untuk melaksana dan menjayakan PUM bagi tahun 2001 di sekolah masing-masing.

Adalah diharapkan syarikat-syarikat PUM bagi tahun 2001 akan lebih cemerlang dan seterusnya akan mendapat lebih banyak anugerah di peringkat kebangsaan.




## Hari Keluarga Dan Perjumpaan Hari Raya Meriah

BUAT pertama kali Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK PKINK) serta PKINK sebagai badan induk mengadakan Hari Keluarga dan Perjumpaan Hari Raya Aidilfitri secara serentak. Kedua-dua program itu diadakan pada 25 Syawal 1421 bersamaan 20 Januari 2001. Program tahunan yang diadakan di Perdana Resort, Pantai Cahaya Bulan telah dihadiri kira-kira 600 ahli KSK dan keluarga masing-masing. Bagi melahirkan suasana kekeluargaan yang penuh cinta, Perdana Resort telah bermurah hati untuk memberi potongan harga istimewa bagi bilik-bilik penginapan iaitu RM90.00 untuk bilik deluxe, RM50.00 (bilik superior) dan RM60.00 (bilik standard). Seramai 40 keluarga telah memilih untuk menginap di Perdana Resort. Acara sukaneka diaturkan oleh pihak urusetia sebagai pengisian program Hari Keluarga telah dimulakan pada jam 9.00 pagi dan berakhir jam 12.30 tengahari. Acara sukaneka bagi kanak-kanak diadakan mengikut kumpulan umur merangkumi acara-acara seperti mengisi bola tenis ke dalam raga, berebut kerusi berframa, lari dalam guni dan berebut guagula. Manakala sukaneka bagi kategori dewasa ialah mengikut kumpulan lelaki dan wanita. Acara-acara bagi kategori dewasa termasuklah tarik tali, terompah gergasi, lari dalam guni dan mengisi air dalam belon.

Hadiyah-hadiyah telah diberikan kepada peserta-peserta yang memenangi acara-acara sukaneka yang ditandingi. Setelah tamatnya acara sukaneka, semua anggota dan keluarga yang menghadiri program itu berkumpul di Dewan Duyung bagi mengikuti Majlis Perjumpaan Hari Raya. YABrs En. Wan Zulkifle Wan Yusoff, Ketua Eksekutif Kumpulan antara lain dalam ucapannya telah melahirkan rasa gembira dan menyambut baik usaha-usaha penggabungan program yang dijalankan oleh KSK dan PKINK. Beliau cukup yakin program seumpama itu akan berperanan secara langsung dalam mempertingkatkan semangat setiaawan dan memperkuatkan ikatan silatulrahim dan semangat bekerja berpasukan. Selain menjamu selera dengan aneka juadah raya, hadirin turut berpeluang memenangi hadiah-hadiyah menerusi program cabutan hadiah istimewa yang disediakan oleh pihak urusetia di mana hadiah utama berupa sebuah basikal. Selain daripada anggota PKINK dan ahli-ahli KSK PKINK turut hadir ialah Ketua Eksekutif Kumpulan, Timbalan Ketua Eksekutif, Pengurus-Pengurus Besar Syarikat Anak dan Pegawai-Pegawai Kanan PKINK.



## Jawatankuasa Audit, Naziran, Majlis Eksekutif lawat syarikat anak



Pada hari Khamis 14 Zulkaedah 1421H (bersamaan 8 Februari 2001), ahli Jawatankuasa Audit & Naziran (JAN) serta Majlis Eksekutif (ME) PKINK, di bawah penyelarasan Bahagian Perancangan Korporat PKINK, mengadakan Lawatan Korporat ke tapak projek penetasan anak ayam Murni Hatchery Sdn Bhd di Bechah Kemuring Machang dan tapak loji Kijang Kuarl Sdn Bhd di Bukit Buluh Machang. Siri Lawatan Korporat telah diaktifkan semula dalam tahun 2001 bertujuan untuk memberikan pendedahan secara langsung kepada ahli JAN dan ME tentang perjalanan operasi syarikat-syarikat anak Kumpulan PKINK serta prestasi fizikal sehingga kini, serta masalah-masalah yang dihadapi termasuklah pencapaian.

Disamping itu lawatan itu adalah diharapkan dapat mengenal pasti punca-punca kelemahan atau halangan sesebuah syarikat. Manakala peluang-peluang peningkatan prestasi dan pengembangan aktiviti dapat dikenalpasti, ia juga merupakan platform untuk pengurusan syarikat anak mengutarakan keperluan bantuan dan sokongan dari Perbadanan.

Mesyuarat Majlis Eksekutif PKINK (ME) juga memutuskan siri Lawatan Korporat akan diadakan setiap dua minggu sekali yang mana dua syarikat akan dilawati dalam satu masa. Lawatan tersebut merangkumi taktimat ringkas oleh pengurusan syarikat, tinjauan sekitar tapak operasi serta sesi perbincangan antara ahli JAN, ME dan pengurusan syarikat. Rumusan dari perbincangan tersebut akan dimaklumkan kepada pengurusan syarikat untuk tindakan selanjutnya, susulan kepada pelaksanaan tindakan tersebut akan dimantau oleh Jawatankuasa Pemantauan Syarikat Anak. Siri lawatan kedua adalah ke Kilang Pengeluaran Baja dan Makanan Ternakan di Wakaf Bharu yang dikendalikan oleh Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad dan Murni Feedmill Sdn Bhd serta Kilang Pengetinan Makanan Murni Marketing Sdn Shd di Wakaf Zin yang diadakan pada hari Khamis 26 Zulhijjah 1421 H (bersamaan 22 Mac 2001 M).

## ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG DAN KHIDMAT LAMA

TENAGA kerja berkualiti merupakan satu konsep yang perlu diberi perhatian serius oleh keseluruhan pihak pengurusan dan anggota PKINK. Berperanan sebagai pemangkin bagi membentuk serta mewarnai kegemilangan dalam perkhidmatan, sejajar dengan usaha-usaha pembangunan yang dirancangkan perlaksanaannya mencapai status negara maju. Prestasi kerja anggota-anggota PKINK sebenarnya telah dinilai oleh ketua bahagian masing-masing sebelum dinilai semula secara lebih khusus oleh Jawatankuasa Penilai. Kemuncak kepada penilaian itu apabila anggota-anggota PKINK yang berkelayakan menerima anugerah kecemerlangan masing-masing pada majlis makan tengahari pada 20 Syawal 1421H @ 15 Januari 2001. Tiga orang anggota dianugerahkan pergerakan gaji secara MELINTANG, ganjaran tunai sebanyak RM 1,000.00 dan sijil penghargaan. Mereka ialah:


1. Haji Hassan Said
2. Puan Rosbi Abdul Razak
3. Puan Teh Mariam Mohamed

Sementara itu, seramai lima anggota PKINK juga dianugerahkan pergerakan gaji secara MENEGAK, ganjaran tunai sebanyak RM 500.00 dan sijil penghargaan. Mereka ialah:

1. En. Baharuddin Harun
2. En. Jasni Yusoff
3. En. Nik Ayub Nik Him
4. Puan Hasnah Ahmad
5. Cik Wan Robiah Wan Ahmad

Di majlis yang sama, 21 lagi anggota yang telah berkhidmat dengan PKINK selama 18 tahun menerima anugerah khidmat lama berupa barangan bernilai RM500.00 dan sijil penghargaan. Mereka ialah:

1. En. Mohd. Ezanee Mohd Adam
2. Puan Rabiah Mamat
3. En. Mohamed Ismail
4. Datin Norsiah Musa
5. En. Mat Zeh Daud
6. En. Muhammad Che Ismail
7. En. Ahmad Farid Mahmood
8. En. Md. Sanusi Ismail
9. En. Nik Ayub Nik Him
10. Puan Nik Anisah Ariffin
11. Puan Nisah Mat
12. En. Azmi Mohd Daud
13. En. Nik Mohd Affendi Nik Mahmud
14. Che Ab. Aziz Che Abdullah
15. En. Mohd Rozi Mohd Noor
16. En. Ahmad Kamil Mustapha
17. YM. Tengku Petra Tengku Wook
18. En. Mohd. Ab.Hadi Mustafa
19. En. Mohd Asri Ismail
20. En. Mohd Razali Deraman
21. En. Razali Ismail



Pihak pengurusan dan keseluruhan anggota PKINK mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah buat penerima-penerima anugerah tersebut.

## MENTERI RASMI KILANG VENDOR & INKUBATOR PKINK

PERBADANAN Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) bukan sekadar berperanan sebagai agensi kerajaan negeri, sebaliknya turut bertanggungjawab secara terus kepada Kementerian Pembangunan Usahawan Malaysia (KPUM) terutamanya dalam merancang dan melaksanakan program berkaitan pembangunan usahawan bumiputera. Ia sejajar dengan peranan dan tanggungjawabnya kepada KPUM dan juga mandat yang diberikan kearah melahirkan lebih ramai usahawan Golongan Menengah Bumiputera.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, PKINK menerima peruntukan geran daripada KPUN berjumlah RM 4.2 juta bagi membina 21 unit kilang berderet di Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa 11. Projek tersebut dapat disiapkan dalam tempoh 30 minggu. Setakat ini sebanyak 15 unit telah diduduki dan memulakan operasi merangkumi aktiviti-aktiviti seperti elektrik, pemprosesan baja & produk berdasarkan agrokultur, kejuruteraan logam, tekstil & barang kulit serta pemprosesan makanan dan minuman.

Bangunan Kilang Vendor dan Inkubator tersebut telah dirasmikan oleh YB. Dato' Mohamed Nazri Tan Sri Aziz, Menteri Pembangunan Usahawan Malaysia. Berucap di majlis perasmian tersebut YB. Menteri menegaskan bahawa usahawan bumiputera perlu melibatkan diri secara aktif dalam syarikat vendor serta memanfaatkan peluang pinjaman mudah sebanyak RM 1 billion yang diperuntukkan



oleh kerajaan.

Pinjaman mudah tersebut disalurkan melalui tiga buah tabung utama iaitu Tabung Industri Bumiputera (TIB), Tabung Usahawan Bumiputera (TUB) serta Tabung Industri Kecil dan Sederhana (TIKS). Penubuhan tabung-tabung berkenaan adalah sejajar dengan hasrat dan dasar kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan bumiputera.

Beliau menambah kata, pembangunan syarikat vendor menjadi satu agenda penting kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Walaupun begitu, pihak kerajaan agak kesal kerana masih ada golongan usahawan yang tidak tahu tentang kewujudan kemudahan tersebut.

Masalah ini timbul kerana penyebaran maklumat mengenainya tidak begitu menyeluruh dan berkesan namun ia akan terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Usahawan-usahawan Bumiputera khususnya yang bergiat dalam syarikat-syarikat vendor perlu juga mempergiatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebagai persediaan menghadapi persaingan pasaran apabila ZON Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dilaksanakan pada 2003 nanti.

Kerajaan akan memantau dan meneruskan komitmen membantu usahawan vendor berkenaan agar mereka tidak tercincir dari saingan global AFTA. Usahawan juga disarankan memanfaatkan kemudahan laman web e-Dagang sebagai cara untuk memaju dan mempromosikan produk-produk yang dikeluarkan. Adanya laman web sendiri akan mempermudahkan laluan bagi menembusi pasaran dunia melalui jaring elektronik bahkan persaingan dengan syarikat-syarikat multinasional akan dapat diteruskan dengan penuh yakin.



## HOTEL PERDANA JUARA PESTA FLORA 2001 >

TAHNIAH! Sempena sambutan Hari Keputeraan Al-Sultan Kelantan yang ke - 51, Kerajaan Negeri telah menganjurkan Pertandingan Keindahan Premis Penginapan sempena Pesta Flora Negeri Kelantan 2001 awal muharam lalu. Pertandingan tersebut terbuka kepada semua premis penginapan termasuk hotel dan resort yang terdapat di sekitar bandar Kota Bharu. Sebanyak 10 hotel dan resort mengambil bahagian dalam pertandingan pada kali ini. Hotel-hotel dan resort-resort tersebut adalah:

- > PCB Resort
- > Hotel Mawar
- > Perdana Resort
- > Hotel New Pacific
- > Hotel Ansar
- > Hotel Diamond Puteri
- > Hotel Temenggong
- > Hotel Renaissance
- > Safar Inn
- > Hotel Perdana

Dalam pertandingan pada tahun ini, kategori hotel dan resort telah disatukan, memandangkan hanya dua buah resort sahaja yang mengambil bahagian. Hotel Perdana dengan temanya "Heliconia Indah Sejahtera" telah muncul sebagai juara pada pertandingan Pesta Flora 2001 bagi kategori Keindahan Premis Penginapan.

Para Ahli Jawatankuasa Pesta Flora 2001 Hotel Perdana telah bersetuju untuk memilih tema tersebut memandangkan ia bersesuaian dengan tema pertandingan pada kali ini. "Heliconia" dipilih kerana ia merupakan tumbuhan utama yang harus ditonjolkan untuk pertandingan Pesta Flora 2001, manakala "Indah" bermaksud cantik dan ia amat sesuai dengan bunga-bungaan yang ditonjolkan kerana selalunya bunga-bungaan adalah simbolik kepada kecantikan. "Sejahtera" membawa maksud aman dan ketenangan.

Hotel Perdana memilih perkataan sejahtera berdasarkan kepada ketenangan sungai yang mengalir dari pancutan air terjun ke tasik ciptaan yang dipilih sebagai konsepnya berdasarkan beberapa kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh pihak pengajur. Sejahtera juga membawa maksud harmoni, yang mana konsep ini telah pun ditonjolkan melalui kombinasi sungai, titian, pokok-pokok dan batubatuhan yang telah disusun dan dibentuk agar terhasilnya satu taman hiasan yang di dalamnya terkandung beberapa elemen-elemen bertepatan dengan tema dan konsep yang ingin diketengahkan. Upacara penyampaian hadiah diadakan pada 2 April 2001 bertempat di Taman Orkid Tengku Anis, Jalan Padang Tembak, Pengkalan Chepa dan telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Kelantan.

Pengurus Besar Hotel Perdana, Tuan Haji Nordin Mohamad

turut hadir pada upacara penerimaan hadiah tersebut. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua AJK yang terlibat di atas kejayaan itu. Semoga keputusan yang memberangsangkan ini dapat dikenakan untuk tahun-tahun akan datang. Tahniah sekali lagi. Ahli-ahli Jawatankuasa Pesta Flora 2001 Hotel Perdana adalah:

- Tuan Haji Nordin Mohamad Penasihat
- En Kamaruzaman Md Salleh Pengurus
- Cik Yuliana Md Yasin Setiausaha
- En Supran Shafei AJK
- En Rosdi Md Ali AJK
- En Asri Jaafar AJK
- En Md Ali Md Zin AJK
- En Abd Razak Ibrahim AJK
- En Saupi Sulaiman AJK
- En Azman Haron AJK
- YM Raja Rosdi Raja Daud AJK
- En Che Razak Mustaffa AJK

## KALAMULLAH

Manusia dipertanggungjawabkan  
atas amanah mereka  
(Surah Ibrahim : 51)

Terjemahan :

*(Kejuaranya manusia dari kubur masing-masing itu ialah) kerana Allah akan membela tiap-tiap seorang apa yang ia telah usahakan; sesungguhnya Allah amat cepat hitungan hisab-Nya.*

Huraian :

Setiap manusia adalah dipertanggungjawabkan di atas setiap amal dan perbuatan mereka sendiri. Sikap berlepas tangan tidak wujud di hadapan pengadilan Allah s.w.t. Islam meletakkan asas yang kukuh supaya setiap Muslim adalah manusia yang sentiasa menghadapi tindakan di atas perlakuan mereka dan sedar bahawa sikap mereka akan diadili dan diberikan balasan yang setimpal. Sifat sedar diri adalah sifat yang positif menggalakkan seorang Muslim mengetarkan diri daripada melakukan kejahatan dan meningkatkan keprihatinan di dalam kerja sehari-hari mereka. Walaupun begitu, Islam tidaklah pula terlalu ekstrem sehingga menyuruh umatnya tertali berhati-heti sehingga menyurarkan diri mereka di dalam melakukan apa-apa pekerjaan.

Kesimpulan :

Dosa dan pahala setiap manusia adalah bergantung kepada amalan setiap individu dan orang lain tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas perbuatan mereka. Ini kerana setiap manusia telah diberikan akal fikiran dan kekuatan fizikal untuk merencanakan sendiri kehidupan mereka. Sesungguhnya tidak ada keberatan bagi Allah untuk mengira amal perbuatan seseorang dan memberikan balasan di atas perbuatan mereka.



Setelah menaburkan khidmat bakti selama 21 tahun sebagai Pegawai Tadbir Negeri (PTN) dan 4 tahun 6 bulan di Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Tuan Hj. Wan Yahya Wan Salleh, Timbalan Ketua Eksekutif (P&P) telah menamatkan perkhidmatannya kerana persaraan pilihan, Tuan Hj. Wan Yahya Wan Salleh dilahirkan pada 11 Januari 1951 di Kg. Kutan, Wakaf Bharu, Kelantan.

Setelah menamatkan pengajian di peringkat USC pada tahun 1971, beliau telah melanjutkan pelajaran di peringkat tertinggi di Universiti Malaya dengan memilki ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), 24 Mac 1975, beliau telah memulakan perkhidmatan sebagai Pegawai Tadbir Negeri. Bermula dari tarikh tersebut beliau tenus gigih dan setia mensabur khidmat dan jasa baktinya di beberapa agensi kerajaan. Sebagai perkongsian bijak yang diringi dengan hasrat untuk sama-sama membangunkan PKINK dan syarikat-syarikat dalam kumpulan, beliau telah menganggotai PKINK pada 1 Julai 1996 dan dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Eksekutif PKINK pada 1 Oktober 1998. Setelah mencapai usia 50 tahun, beliau memilih untuk bersara awal. Majlis perpisahan 'sempena' persaraan beliau telah diadakan pada 15 Januari 2001. Pihak pengurusan dan seluruh warga kerja PKINK mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas khidmat bakti beliau dan diucapkan 'SELAMAT MAJU JAYA'.

## KELOIL MELABUR DI LUAR NEGARA

Keloil Sdn. Bhd. sebuah syarikat anak Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) yang terlibat secara langsung dalam Industri petrokimia di Kelantan telah mengembangkan operasinya dengan menerokai Industri berkaitan petroleum di Pakistan. Keloil melalui syarikat anaknya iaitu Keloil Pakistan Pte. Ltd. Telah mendapat tawaran untuk membina dan menyiapkan terminal LPG di Port Qasim, Karachi, Pakistan yang melibatkan kos sebanyak RM 90 juta. Dalam hubungan ini, Keloil telah melantik syarikat Process Control Technology (PCT) dari Australia Barat sebagai kontraktor utama bagi menyiapkan pembinaan terminal tersebut serta lain-lain operasi yang berkaitan.

Baru-baru ini, Keloil telah menandatangani perjanjian dengan PCT bertempat di Pejabat Timbalan Perdana Menteri Australia Barat, Hardy Cowan Mia juga sebagai Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Pembangunan Wilayah dan Perniagaan Kecil Australia Barat. En. Wan Zukifie Wan Yusoff selaku Ketua Eksekutif dan En. Mohd. Nor Yusoff selaku Pengarah telah menandatangani perjanjian tersebut bagi pihak Keloil manakala En. Gary Napier selaku Pengarah dan En. Bruce Phillips selaku Pengurus Besar telah mewakili PCT. Hadir sama menyaksikan perjanjian tersebut ialah YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan Dato' Hj. Abdul Halim Abdul Rahman selaku Pengurus Keloil dan Timbalan Perdana Menteri Australia Barat.

## ANGGOTA DINAIKKAN PANGKAT

Anugerah dari kesungguhan, berkat dari ketabahan. Meniti usia mengharungi cabaran dan rintangan. Tanpa menoleh kebelakang untuk menyesal apatah lagi menangisi kegagalan silam. Tiada waktu untuk semuanya. Berbekalkan sekulunit semangat waja lantaran sanggup dibimbang dan ditegur ajar, lebih-lebih lagi hasrat untuk maju sebagai sebuah kumpulan sentiasa berkobar malahan tak pernah pudar. Di penghujung bulan Disember 2000, pihak pengurusan PKINK telah mengenalpasti sebilangan anggota perbadanan yang difikirkan layak untuk dipertimbangkan bagi tujuan kenalkan pangkat. Mereka telah disarankan supaya membuat permohonan secara rasmi bagi mengisi beberapa kekosongan jawatan. Walaupun begitu bukan semua yang memohon layak untuk dipertimbangkan terus. Mereka perlu melalui beberapa peringkat saringan dan perlu juga memenuhi beberapa kriteria dan disenaraikan pendekkan. Setelah menjalani temuduga peringkat akhir dan diyakini oleh pihak pengurusan bahawa anggota-anggota berikut mampu untuk mempertingkatkan prestasi secara berkesan justeru mereka telah ditawarkan jawatan-jawatan berkenaan berkuatkuasa 1 Januari 2001.

En. Ismail Wan Musa	- Pembantu Tadbir Kanan
En. Mohd. Kharani Salleh	- Pembantu Tadbir Kanan
En. Mohd. Asiff Idris	- Pembantu Tadbir Kanan
Puan Rosli Razak	- Pembantu Tadbir
Puan Zakiah Mohamed	- Pembantu Tadbir
Puan Hasnah Ahmad	- Pembantu Tadbir
Puan Nik Anisah Ariffin	- Pembantu Tadbir

Kepada yang berjaya diucapkan syabas dan diharapkan anda semua akan terus setia bersama PKINK dan sentiasa memberikan yang terbaik dan cemerlang.

## 39 PENDUDUK CHINA TERIMA HAKMILIK

Membuka lembaran Tahun Baru 2001, PKINK telah mengadakan Majlis Penyerahan Hakmilik Tanah kepada kaum Cina di Tanah Merah bertempat di Bilik Gerakan, Pejabat Tanah dan Jabatan Tanah Merah. Berucap di majlis tersebut, YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan berkata kerajaan negeri Kelantan mempunyai komitmen yang besar dalam usaha untuk menyediakan rumah-rumah kediaman yang selesa kepada semua lapisan rakyat. Namun begitu, kerajaan negeri akan memberi tumpuan dan keutamaan dalam pembinaan rumah-rumah kos rendah bagi membolehkan golongan yang berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri.

Kerajaan negeri sentiasa sedar dan cukup peka bahawa pemilikan tanah dan rumah kediaman merupakan satu keperluan bagi semua lapisan rakyat. Menyedari keadaan ini, kerajaan negeri telah mengambil langkah-langkah wajar untuk memulihkan projek-projek perumahan yang terbengkalai. Kerajaan negeri juga telah menswastakan beberapa projek perumahan terutamanya perumahan kos rendah kepada pemaju-pemaju yang berpotensi.

Sebagai insentif kepada pemaju terbabit, kerajaan negeri telah melonggarkan kuota pemilikan rumah sehingga 30% kepada bukan Bumiputra terutamanya kaum Cina Kelantan. Pada majlis tersebut, seramai 39 orang kaum Cina di Tanah Merah telah diberikan hakmilik tanah bagi mendirikan rumah-rumah kediaman. YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan turut menyarankan agar rumah-rumah kediaman yang akan didirikan di kawasan itu kelak hendaklah secara seragam malah diharapkan agar lantai mampu mewujudkan persekitaran yang sesuai demi membentuk kehidupan bermasyarakat yang saling memahami, saling menghormati dan sentiasa harmoni.



ابن سنت بیوت تکنولوژی دارالتعیم

# INSTITUT TEKNOLOGI DARULNAIM KOTA BHARU

KPTPS/05/1995/PKT/DARULNAIM  
BPTS 07/00P



Menawarkan kursus-kursus yang menarik dari  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



## PENGAMBILAN SETIAP JULAI & DISEMBER



### Diploma Kejuruteraan

1. Elektronik
2. Elektrik ( Kuasa)
3. Elektrik ( Perhubungan)

### Diploma Pengurusan Teknologi

6. Pengurusan Teknologi  
( Perakaunan)
7. Pengurusan Teknologi

### Diploma Sains Komputer

4. Teknologi Maklumat
5. Multimedia

### Pra - Diploma

8. Kejuruteraan
9. Pengurusan

#### • KELAYAKAN MINIMA •

Diploma	Pra Diploma
SPM – 3 Kredit Termasuk BM dan Matematik	SPM – 3 Kredit Termasuk BM serta Lulus Matematik

#### • KEISTIMEWAAN •

- Menyediakan program tarbiah yang terancang bagi melahirkan pelajar yang berilmu dan berakhlik
- Kos sara hidup yang sederhana
- Milik penuh Kumpulan Permodalan Kelantan Berhad
- Kelantan Darul Naim menyediakan persekitaran yang sesuai bagi pendidikan
- Kampus baru yang lengkap
- Pinjaman akan diuruskan bagi semua calon yang layak

#### • T A J A A N •

#### Cara Memohon

Sila Hubungi:

### INSTITUT TEKNOLOGI DARULNAIM

Jalan Padang Golf, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan

Tel: 09-7747200, 7741200 Faks: 09-7745044

Email: [itd@itdkel.edu.my](mailto:itd@itdkel.edu.my)

KUMPULAN PERMODALAN KELANTAN BERHAD

Bantuan Pengurusan "On Line"